



No. Sebut Harga: **RISDA-L-01/2026**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PELUPUSAN ASET ALIH RISDA**

Alamat Pusat Tanggungjawab:

**Bahagian Pentadbiran  
Tingkat 11, Ibu Pejabat RISDA,  
KM.7, Jalan Ampang,  
50990 Kuala Lumpur.**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset alih seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Keterangan Aset Alih</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Harga Simpanan</b>
1.	Nissan X-Trail (2.5L) No. Pendaftaran Kenderaan : WYE 5134	1	RM11,160.00
2.	Toyota Hiace Window Van 2.7 (P) No. Pendaftaran Kenderaan : WPR 760	1	RM30,000.00
3.	Toyota Hiace Window Van 2.7 (P) No. Pendaftaran Kenderaan : WQH 6425	1	RM20,000.00
4.	Toyota Hiace Window Van 2.7 (P) No. Pendaftaran Kenderaan : WQP 2165	1	RM30,000.00
5.	Toyota Hiace Window Van 2.7 (P) No. Pendaftaran Kenderaan : WQL 2796	1	RM10,000.00
6.	Nissan X-Trail 4WD 2.5L A/T No. Pendaftaran Kenderaan : WWR 1042	1	RM3,000.00
7.	Toyota Hilux Double Cab 2.5MT No. Pendaftaran Kenderaan : WQL 6317	1	RM18,000.00

2. Aset alih boleh dilihat pada **15 Julai 2026 (Rabu)** di antara jam **10.30 pagi** hingga **12.00** tengahari di kawasan parkir Menara Kumpulan RISDA, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari dari tarikh tutup sebut harga.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga : **RISDA-L-01/2026** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Urus Setia Pelupusan,  
Seksyen Aset Alih,  
Unit Pengurusan Aset (UPA),  
Bahagian Pentadbiran .  
D/A : Tingkat 4, Bangunan Annexe, Ibu Pejabat RISDA,  
Jalan Ampang,  
50990 Kuala Lumpur.**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **22 Julai 2026 (Rabu)** jam **12.00** tengahari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

  
\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Ketua Pusat Tanggungjawab)

Tarikh : **MUHAMAD MAHATHIR BIN ABDUL RAHIM**  
**Pengarah**  
**Bahagian Pentadbiran**  
**RISDA**

Cap :

**07 JUL 2026**

## SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset alih akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Semua aset alih adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat atau *as-is, where-is-basic*.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Harga tawaran hendaklah dalam Ringgit Malaysia (RM).
5. RISDA tidak bertanggungjawab di dalam apa-apa kekurangan atau kerosakan dan tidak akan memperbaiki atau mengganti mana-mana bahagian aset alih yang telah rosak atau hilang.
6. Semua tawaran hendaklah dikemukakan dalam borang yang disediakan. Lain-lain borang tidak akan diterima kecuali sebagai tambahan kepada borang rasmi tersebut.
7. Sebarang pindaan kepada tawaran (sama ada mengenai perincian atau kadar harga) hendaklah jangan dilitupi tetapi hendaklah dipotong dan ditandatangani ringkas.
8. Setiap borang tawaran hendaklah ditandatangani berserta dengan cap rasmi pemohon (jika ada).
9. **Wang deposit** hendaklah disertakan bersama tawaran ini sebanyak **5% daripada harga yang ditawarkan**.
10. Wang deposit hendaklah di *bank in* ke dalam akaun **CIMB Bank, RISDA AKAUN BAHAGIAN KEWANGAN, NO. AKAUN 80-0248445-9**. Penyebut harga dikehendaki mendapatkan resit rasmi di Unit Pengurusan Wang, Tingkat 8, Bahagian Kewangan dan Belanjawan dan perlu disertakan bersama dokumen sebut harga.

11. Penyebut harga yang menghantar wang deposit dalam bentuk Cek Persendirian/ Cek Syarikat tidak akan dipertimbangkan.
12. Wang deposit akan menjadi hak RISDA sekiranya penyebut harga menarik diri sebelum keputusan diumumkan.
13. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki mengambil aset alih yang ditawarkan tiga (3) minggu selepas diberitahu. Urusan pengangkutan adalah tanggungjawab pembeli.
14. Baki harga yang ditawarkan (setelah ditolak wang deposit daripada harga sebenar tawaran) hendaklah dibayar dalam jangka masa tiga (3) minggu selepas diberitahu.
15. RISDA boleh menolak tawaran tanpa memberi apa-apa penjelasan dan wang deposit akan dikembalikan.
16. RISDA tidak akan melayan sebarang tuntutan perbelanjaan yang berkaitan dengan tawaran ini.
17. RISDA tidak akan terikat untuk memilih tawaran yang tertinggi atau mana-mana tawaran yang dimajukan.
18. Walau bagaimanapun, Pengurusan RISDA berhak untuk membuat pindaan kepada syarat-syarat berkenaan dari semasa ke semasa.